

26 OCT 1998

Mahathir-Brunei

MAHATHIR AKAN BINCANG ISU EKONOMI DENGAN SULTAN BRUNEI

Oleh: E.Sivabalan

KUALA LUMPUR, 26 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka membincangkan mengenai usaha bersama Malaysia dan Brunei dalam menangani krisis ekonomi serantau dengan Sultan Hassanal Bolkiah semasa lawatan kerja dua hari beliau ke Bandar Seri Begawan mulai Khamis ini.

Setiausaha Rendah bagi Asia Tenggara Kementerian Luar Mohd Arshad Hussain berkata kedua-dua pemimpin itu akan memberi tumpuan kepada masalah ekonomi dan cara-cara untuk mengatasinya.

"Mereka akan membincangkan mengenai langkah-langkah yang sudah pun dilaksanakan oleh kedua-dua negara," katanya kepada Bernama di sini, hari ini.

Arshad berkata lawatan Dr Mahathir ke negara yang kaya dengan minyak itu ialah sebahagian daripada perundingan tahunan Malaysia dengan Brunei.

"Ini merupakan perundingan pertama Malaysia dengan Brunei (tahun ini)," katanya.

Beliau berkata semasa lawatan Sultan Hassanal ke Malaysia tahun lepas, baginda dan Dr Mahathir bersetuju bahawa mereka perlu kerap mengadakan pertemuan.

"Mereka bersetuju untuk bertemu setiap tahun," kata Arshad.

Dr Mahathir akan diiringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Aturcara lawatan itu termasuk pertemuan Dr Mahathir dengan rakyat Malaysia di kediaman Pesuruhjaya Tinggi Malaysia, di mana beliau akan menerima sumbangan berjumlah RM42,000 daripada mereka untuk Dana Khas Negara.

Beliau dijadualkan menghadap Sultan Hassanal diikuti oleh perbincangan empat mata.

Sultan Hassanal juga akan meraikan Perdana Menteri dan rombongan dalam satu jamuan rasmi.

Ini merupakan lawatan kerja kedua Dr Mahathir ke Brunei tahun ini. Beliau ke Bandar Seri Begawan pada 18 Feb untuk lawatan kerja sehari di mana beliau mengadakan perbincangan empat mata dengan Sultan Hassanal mengenai krisis ekonomi yang menjejaskan rantau ini.

Perdana Menteri dan Sultan Hassanal bertemu sekali lagi di Kuala Lumpur pada 28 Feb lepas apabila baginda melakukan lawatan kerja sehari ke Malaysia.

Sebelum ini, mereka telah berbincang antara lain mengenai penggunaan matawang masing-masing untuk perdagangan antara Asean sebagai sebahagian daripada usaha mengatasi krisis ekonomi serantau.

Asean dianggotai Brunei, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Singapura, Thailand dan Vietnam.

Brunei juga telah menyatakan minatnya untuk melabur di Malaysia dalam apa jua bidang yang menguntungkan.

Jumlah perdagangan antara Malaysia dan Brunei bagi Januari hingga Ogos tahun ini berjumlah RM595.7 juta berbanding RM830.8 juta bagi keseluruhan tahun 1997.

Eksport Malaysia ke Brunei mulai Januari hingga Ogos tahun ini berjumlah RM585.3 juta manakala import dari Brunei berjumlah RM10.4 juta dengan imbalan perdagangan memihak kepada Malaysia.

Eksport utama Malaysia ke Brunei pada 1997 termasuk gabus dan kayu bernilai RM55.7 juta; benang tekstil dan fabrik (RM40 juta); besi dan

keluli (RM34.1 juta); petroleum dan produk petroleum (RM32.2 juta).

Barangan import utama pada 1997 ialah petroleum dan produk petroleum bernilai RM46.2 juta; pengeluaran galian bukan logam (RM5.6 juta); mesin untuk industri tertentu (RM4.2 juta); dan kertas dan papan kertas (RM1.4 juta).

Mulai 1993 hingga 1997, sejumlah tiga projek Malaysia bernilai RM1.56 juta diluluskan di Brunei. Bidang pelaburan itu termasuk kompleks hotel dan pelancongan; pengeluaran makanan; produk getah; dan produk galian bukan logam.

Hanya satu projek Malaysia bernilai RM1.23 juta telah diluluskan di Brunei mulai Januari hingga September tahun ini.

-- BERNAMA

ES NAK